

PENGGUNAAN KAMUS BAHASA MELAYU KE BAHASA CINA DALAM PENAMBAHAN KOSA KATA BAHASA CINA

Goh Ying Soon

Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Terengganu
23000 Dungun, Terengganu
Email: gohyi141@tganu.uitm.edu.my

Saiful Nizam Warris

Faculty Of Computer and Mathematical Sciences
Universiti Teknologi MARA Terengganu
23000 Dungun, Terengganu
Email: saifulwar@tganu.uitm.edu.my

Abstrak

Penggunaan teknologi pengajaran memang amat penting untuk meningkatkan kemahiran bahasa di kalangan pelajar bahasa Cina yang bukan penutur asli (Goh, 2009). Persoalannya adalah bagaimana teknologi pengajaran seperti kamus atas talian digunakan dengan berkesannya dalam kelas pengajaran bahasa asing seperti pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing. Makalah ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana satu kamus talian bahasa Melayu ke bahasa Cina ini dapat digunakan untuk tujuan peningkatan kosa kata bahasa Cina. Kamus atas talian yang dihasilkan oleh penulis sendiri serta rakan dan digunakan dalam makalah ini boleh didapati di <http://tinyurl.com/tganumandarin> ataupun di <http://tinyurl.com/tganumandarin2>. Satu kajian tindakan telah dilakukan. Hasil kajian yang positif telah diperolehi.

Kata-kata kunci: Kamus atas talian, pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing, teknologi pengajaran, perolehan kosa kata

1.0 PENDAHULUAN

Penggunaan teknologi pengajaran amat penting untuk meningkatkan kemahiran bahasa di kalangan pelajar bahasa Cina yang bukan penutur asli (Goh, 2009). Persoalannya adalah bagaimana teknologi pengajaran seperti kamus atas talian boleh digunakan dengan berkesan dalam kelas pengajaran bahasa asing seperti pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing.

Penambahan kosa kata bahasa Cina di kalangan pelajar bukan penutur asli merupakan satu perkara yang mustahak (Goh, Saiful, Hasiah, & Norlina, 2012). Ini adalah kerana tanpa kosa kata yang mencukupi, biasanya pelajar tidak dapat mengekspreskan diri mereka secara berkesan.

Untuk tujuan membaiki keberkesanan penambahan kosa kata, usaha seperti penggunaan kamus atas talian membuka jalan kepada penyelesaian masalah kekurangan kosa kata di kalangan pelajar bahasa Cina bukan penutur asli ini (Goh, 2011). Artikel ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana satu kamus atas talian bahasa Melayu ke bahasa Cina dapat digunakan untuk tujuan meningkatkan kosa kata bahasa Cina.

Laman web untuk makalah ini boleh didapati di <http://tinyurl.com/tganumandarin> ataupun di <http://tinyurl.com/tganumandarin2>. Ia telah dihasilkan oleh empat penyelidik di Universiti Teknologi MARA (Terengganu) (Goh, Saiful, Hasiah, & Norlina, 2012).

2.0 KAJIAN LITERATUR: CIRI-CIRI UNIK YANG DIPERLUKAN

Kamus atas talian untuk pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing perlu menampung keperluan khusus pelajar-pelajar bahasa Cina yang bukan penutur asli. Oleh kerana pelajar-pelajar UiTM Terengganu ini merupakan pelajar bumiputra yang bahasa ibunda mereka ialah bahasa Melayu, kamus atas talian yang disediakan ini harus dapat menggunakan kekuatan bahasa Melayu pelajar agar alihan bahasa yang positif (*positive language transfer*) dapat berlaku.

Cui (2000) telah menerangkan bahawa untuk belajar bahasa Cina dengan berkesan di kalangan pelajar bukan penutur asli, pengetahuan budaya pelajar adalah amat mustahak. Ini adalah kerana kosa kata yang berkaitan dengan budaya perlu diperolehi dalam kamus atas talian ini. Justeru ini kamus atas talian yang disediakan ini telah dibekalkan dengan kosa kata yang berkaitan dengan budaya dan agama pelajar-pelajar Melayu ini (rujuk Rajah 1 di bawah).

wassalam	祝(zhù)你(nǐ)平(píng)安(ān)
sallahallahu alaihi wassalam	真(zhēn)主(zhǔ)保(bǎo)佑(yòu)

Rajah 1: Kosa kata yang berkaitan dengan budaya dan agama pelajar-pelajar Melayu

Selain ini, Jin (2003) telah mendapati bahawa frasa bahasa Cina biasanya adalah amat berbeza dalam bahasa Cina berbanding dengan bahasa ibunda pelajar. Dengan ini kamus atas talian yang digunakan perlu memaparkan perbezaan ini dengan memberikan frasa-frasa yang berkaitan. Dengan ini barulah pelajar dapat memilih dan belajar frasa yang mereka ingin gunakan (rujuk rajah 2 sebagai contoh “kaki”, rajah 3 untuk hasil carian yang berkaitan dengan “bagai”) seperti peribahasa, bandingan semacam, simpulan bahasa, dan sebagainya.

Malay	Chinese
kaki	脚(jiǎo)
jari kaki	脚(jiǎo)趾(zhǐ)
kaki tangan kerajaan	公(gōng)务(wú)员(yuán)
kaki lima	走(zǒu)廊(láng)
kaki arak	酒(jiǔ)鬼(guǐ)
kaki perempuan	花(huā)花(huā)公(gōng)子(zǐ)
kaki judi	赌(dǔ)鬼(guǐ)
tunggal - kaki tunggal	单(dān)脚(jiǎo)
jalan kaki	走(zǒu)路(lù)
tidur - kaki tidur	睡(shuì)虫(chóng)
tumpu - penumpu kaki	脚(jiǎo)凳(dèng)
kaki	脚(jiǎo)
kaki lenguh	脚(jiǎo)酸(suān)
sarung kaki	袜(wà)子(zǐ)
rem kaki	脚(jiǎo)踏(tà)制(zhì)止(zhǐ)器(qì)
renggut kaki	撑(chēng)脚(jiǎo)
rentak kaki	踩(cǎi)脚(jiǎo)
perut kaki	脚(jiǎo)掌(zhǎng)
pangkal kaki	脚(jiǎo)跟(gēn)
pijak kaki, pemajak	踏(tà)板(bǎn)
pasang kaki	布(bù)下(xià)线(xiàn)人(rén)
kaki pisang	柿(shì)
lapik kaki	拖(tuō)鞋(xié)
lesung kaki	足(zú)踏(tà)米(mǐ)臼(jiù)

Rajah 2: Memaparkan perbezaan ini dengan memberikan frasa-frasa yang berkaitan, contoh – kaki

bagai bersuluh di siang hari	已(yǐ)清(qīng)楚(chǔ)的(de)事(shì)再(zài)加(jiā)以(yǐ)解(jiě)释(shì)
bagai bertepuk sebelah tangan	孤(gū)掌(zhǎng)难(nán)鸣(míng)
bagai berumah di tepi tebing	时(shí)常(cháng)处(chǔ)于(yú)让(ràng)人(rén)担(dān)忧(yōu)的(de)状(zhuàng)态(tài)
bagai beting dipalu ombak	经(jīng)常(cháng)受(shòu)威(wēi)胁(xié)
bagai bulan dengan matahari	同(tóng)样(yàng)美(měi)丽(lì)
bagai bulan dipagari bintang	美(měi)若(ruò)天(tiān)仙(xiān)的(de)美(měi)丽(lì)女(nǚ)子(zǐ)
bagai bulan jatuh ke riba	得(dé)到(dào)意(yì)想(xiǎng)不(bù)到(dào)的(de)好(hǎo)处(chù) (天(tiān)赐(cì)横(héng)财(cái))
bagai bulan kesiangam	苍(cāng)白(bái)
bagai bulan penuh purnama	非(fēi)常(cháng)美(měi)丽(lì)的(de)容(róng)貌(mào)
bagai bunyi perian pecah	不(bù)悦(yuè)耳(ěr)的(de)声(shēng)音(yīn)
bagai bumi dengan langit	差(chā)别(bié)很(hěn)大(dà)
bagai cacing kena air panas	不(bù)平(píng)静(jìng)
bagai cendawan tumbuh	在(zài)某(mǒu)段(duàn)时(shí)间(jiān)非(fēi)常(cháng)多(duō)

Rajah 3: Hasil carian yang berkait dengan “bagai”

Sebagaimana yang dinyakan oleh Fang dan Lian (2009), teknologi pengajaran untuk pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing adalah berbeza dengan pengajaran bahasa Cina untuk penutur asli. Dengan ini, pelajar-pelajar Melayu memerlukan kamus atas talian yang dapat memaparkan ciri-ciri bahasa Melayu dalam hasil pencarian. Ia akan membantu dalam

mengurangkan kemungkinan berlakunya kesalahan dengan pencarian kosa kata yang tidak mengambil kira perbezaan frasa bahasa Melayu dengan frasa bahasa Cina ini.

3.0 KAJIAN TINDAKAN

Untuk mengkaji keberkesanan kamus atas talian ini, satu kajian tindakan telah dilakukan. Tiga buah kelas pelajar yang mengambil kursus aras satu telah digunakan dalam kajian tindakan ini. Mereka telah diberi pengajaran tentang cara menggunakan kamus atas talian ini. Mereka telah menggunakan kamus atas talian ini untuk menyediakan satu skrip individu untuk memperkenalkan keluarga masing-masing dan satu tugas kumpulan berupa dialog yang mengabunjalinkan apa yang mereka telah belajar dalam kursus ini. Selepas penggunaan kamus untuk satu semester, mereka telah diberi satu soal selidik untuk memperoleh pandangan mereka tentang keberkesanan kamus atas talian ini untuk pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing.

4.0 HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan jantina sampel yang terlibat. Jadual 2 pula menunjukkan hasil kajian tentang pandangan pelajar terhadap kamus atas talian yang disediakan ini.

Jadual 1: Sampel Jantina

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid Male	28	18.7	18.7	18.7
Female	122	81.3	81.3	100.0
Total	150	100.0	100.0	

Jadual 2: Hasil kajian tentang pandangan pelajar terhadap kamus atas talian yang disediakan

	N	Minimu m	Maximu m	Mean	Std. Deviation
1: <i>Kamus ini memberikan kosa kata yang berkaitan dengan budaya.</i>	150	3	5	4.12	.623
2: <i>Kamus ini memberikan kosa kata yang berkaitan dengan agama.</i>	150	3	5	4.26	.584
3: <i>Saya dapat mencari kosa kata yang saya perlu untuk mengekspreskan diri saya dengan lebih tepatnya.</i>	150	2	5	4.07	.662
4: <i>Hasil carian kamus ini termasuk frasa bahasa Melayu yang berkaitan.</i>	150	3	5	4.25	.626
5: <i>Hasil carian yang lebih banyak ini dapat membantu saya mencari apa yang saya ingin.</i>	150	2	5	4.16	.656
6: <i>Saya dapat mencari frasa yang berkait dengan peribahasa dan simpulan bahasa, dan sebagainya.</i>	150	3	5	4.15	.628
7: <i>Kamus ini sesuai untuk saya sebagai pelajar bahasa Cina sebagai bahasa asing.</i>	150	3	5	4.23	.604
8: <i>Saya rasa lebih yakin untuk menggunakan bahasa Cina untuk mengekspreskan diri</i>	150	2	5	4.33	.640
9: <i>Dengan hasil carian yang melibatkan carian yang berkait, ia akan mengurangkan kekeliruan saya.</i>	150	2	5	4.21	.669
10: <i>Kamus ini membantu saya menyediakan skrip dan dialog yang tidak terkongkong kepada buku teks semata-mata.</i>	150	2	5	4.21	.583
Min keseluruhan	150	2.70	5.00	4.1973	.48341

Untuk setiap item, min adalah melebihi 4.0. Min keseluruhan 4.1973 pula menunjukkan bahawa kamus atas talian ini memang amat sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar bahasa Cina sebagai bahasa asing ini dengan membenarkan mereka mengekspreskan diri dengan lebih berkesan.

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kamus atas talian ini memang dapat digunakan dengan berkesan oleh pelajar. Pelajar-pelajar bahasa Cina bukan penutur asli ini bersetuju bahawa mereka dapat menggunakan kamus atas talian ini untuk mengekspreskan diri dengan lebih berkesan. Ia adalah selari dengan pandangan Huang (2005) bahawa segala kamus talian haruslah menyenangkan pelajar untuk memperoleh apa yang mereka ingini. Hasil carian yang hanya membenarkan carian kata tunggal sahaja tidak dapat memenuhi keperluan pelajar. Pelajar memerlukan hasil carian yang merangkumi frasa yang berkaitan. Dengan ini, barulah mereka rasa lebih berkeyakinan.

Penguasaan bahasa Cina sebagai bahasa asing bukan satu perkara yang mudah. Hanya bergantung kepada apa yang diajar sahaja dalam kelas bahasa Cina akan menghasilkan perasaan yang negatif dan kecewa terhadap apa yang telah dipelajari (Allen, 2008).

Penggunaan teknologi pengajaran tidak dapat menyelesaikan segala masalah pembelajaran yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa (Jin, 2005). Terdapat banyak aspek yang harus diambil kira agar penggunaan teknologi pengajaran seperti kamus atas talian ini berjaya.

Justeru ini, kamus atas talian yang berkesan harus disediakan kepada pelajar agar dapat membenarkan pembelajaran secara berterusan berlaku. Selain ini, blog yang disediakan oleh penulis juga berusaha untuk mengukuhkan kepada pelajar nahu bahasa Cina yang amat berbeza dengan bahasa Melayu (<http://ysgoh66.blog.com/category/nahu-bahasa-mandarin/>). Sebagai rumusan, untuk mengelakkan kesalahan yang berlaku akibat bergantung kepada Google Translate semata-mata, teknologi pengajaran yang mengambil kira keistimewaan bahasa Melayu harus lebih banyak disediakan.

Kelancaran bahasa memang diingini oleh pelajar-pelajar bahasa Cina sebagai bahasa asing yang bukan penutur asli (Zhang, 2009, 2010). Namun begitu, ia agak sukar dicapai dengan tempoh pembelajaran yang begitu terhad dalam kelas bahasa Cina. Sebagai rumusan, satu kamus atas talian yang lebih komprehensif, yang dapat dikemas-kinikan oleh pengajar itu sendiri adalah amat mustahak dan membantu. Dengan ini, pelajar-pelajar yang telah tamat kursus dapat merujuk kepada kamus atas talian ini untuk pembelajaran berterusan dan rujukan yang utama apabila mereka perlu menggunakan bahasa Cina yang telah pernah mereka belajari itu pada masa kelak.

RUJUKAN

- Allen, J.R. (2008). Why learning to write Chinese is a waste of time. *Foreign Language Annals*. Vol. 41, pp. 237,252.
- Cui, Y.H. (2000). *Character Radicals and Chinese Teaching Proceedings of Teaching Chinese as a Second Language*. Ed. By Zhang, D.X., pp. 259-271.
- Fang, L.N. & Lian, Y.R. (2009). Keadaan sekarang dan wawasan penggunaan komputer untuk pengajaran karakter Cina-dalam skop perbincangan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing. *Antologi Konferensi Antarabangsa Pengajaran Cina yang ke-20*, ms. 476-496. Gaoxiong: Universiti Zhongshan.
- Goh, Y.S. (2009). Yodao Desktop Dictionary: A Pilot Study (有道桌面词典：学习汉语有道). *Proceedings of The 6th. International Conference on Internet Chinese Education*, pg. 196-205. Taiwan. 19th – 21st June, 2009. Organized by Taiwan Normal University, Taiwan.

- Goh, Y.S. (2011). Exploring the use of web-based dictionary in enhancing Chinese writing skill among non-native learners (Yunyong wangshang cidian tigao shuxie nengli chutan). *Journal of Research for the Teaching of Chinese as a Foreign Language, (Duiwai Hanyu Yanjiu)*, 2011, Vol. 7, pp. 54–59. Beijing: The Commercial Press.
- Goh, Y., Saiful, W., Hasiyah, M., & Norlina, M.S. (2012). Instructional Technology Design of Smart Malay-Mandarin Dictionary (SMMD) to Support Vocabulary Acquisition in Teaching Chinese as a Foreign Language. In N. Alias, & S. Hashim (Eds.), *Instructional Technology Research, Design and Development: Lessons from the Field* (pp. 256-269).
- Huang, P.R. (2005). Reka-bentuk, perkembangan dan perolehan pembelajaran kosa kta Cina atas talian untuk pembelajaran bahasa Cina secara global. *Laporan Kajian Digital Nasional Taiwan*.
- Jin, H. (2005). Form-focused instruction and second language learning: Some pedagogical considerations and teaching techniques. *Journal of the Chinese Language Teachers Association*, 40(2), pp. 31-54.
- Jin, H.G. (2003). Empirical evidence on character recognition in multimedia Chinese tasks. *Concentric: Studies in English Literature and Linguistics*. Pp. 29.
- Zhang, P. (2009, 2010). Developing Chinese fluency (表达) (Textbook and Workbook). Singapore, Boston, and Beijing: Cengage Learning.

Penulis

Goh Ying Soon (Ph.D) merupakan seorang pensyarah kanan di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Terengganu. Bidang pengkhususan beliau berkaitan dengan pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing dan penggunaan teknologi pengajaran dalam pengajaran bahasa asing sebagai bahasa asing. Blog beliau yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Mandarin sebagai bahasa asing dapat diakses di <http://ysgoh66.blog.com>.